

## LAPORAN AKTIVITI

**UTM SUMMER SCHOOL:  
THE 12TH JOINT WORKSHOP ON URBAN DESIGN AND CONSERVATION  
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
PADA 31 MAC – 8 APRIL 2017**



Rajah 1: Gambar kenangan peserta The 12<sup>th</sup> JWUDC di KL City Gallery, Kuala Lumpur.

JOHOR BAHRU - Pada 31 Mac sehingga 8 April 2017 lalu, sebuah program bengkel antarabangsa bertemakan rekabentuk dan pemeliharaan bandar telah dianjurkan oleh Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (JPBW). Bengkel antarabangsa yang kini telah menjadi sebagai sebahagian program *UTM Summer School* (atau *UTM MyTree*) dikenali sebagai *The Joint Workshop on Urban Design & Conservation (JWUDC)*. Siri bengkel antarabangsa ini telah memasuki siri penganjuran kali ke-12 dan ia telah melibatkan penyertaan peserta dari Malaysia (UTM), Mahasarakham University, Thailand (MSU) dan National University of Laos, Laos (NUOL). Tahun 2017, pihak UTM sekali lagi telah menjadi tuan rumah kepada siri penganjuran bengkel ini dengan melibatkan jumlah keseluruhan peserta seramai 40 orang iaitu UTM (18 orang) dari Fakulti Alam Bina, MSU (15 orang) dari Faculty of Architecture, Urban Design and Creative Arts dan NUOL (7 orang) dari Faculty of Architecture. Daripada jumlah tersebut ia melibatkan pensyarah pengiring daripada UTM (2 orang), MSU (2 orang) dan NUOL (2 orang). Program ini telah diselaraskan oleh Dr. Noor Aimran Samsudin daripada JPBW dan dibantu oleh pelajar pascasiswazah selaku fasilitator UTM.

Bermatlamatkan '*To examine and explore the roots of Malaysia's historic towns identity*' para peserta telah diperkenalkan dengan tema 'bandar-bandar kolonial' yang terdapat di Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Ipoh dan Melaka. Peserta 12<sup>th</sup> JWUDC telah berpeluang menyelusuri bandar, bangunan dan tapak warisan terpilih sebagai 'tapak kajian' bengkel ini. Sepanjang penganjuran *UTM Summer School* ini berlangsung, beberapa siri perkongsian kuliah oleh tenaga pengajar dari institusi pengajian yang terlibat telah diaturkan sepanjang program. Peserta program telah dibawa menjelajah dan meneroka keunikan warisan budaya dari perspektif alam bina merangkumi disiplin ilmu senibina, rekabentuk bandar dan perancangan bandar. Peserta telah diperkenalkan dan didedahkan dengan usaha-usaha pemeliharaan bandar, senibina, tapak warisan dan budaya landskap di bandar-bandar warisan terpilih di Malaysia. Sepanjang program ini, peserta telah menyelusuri 10 laluan 'jejak warisan' dan pelbagai perkongsian berkaitan sejarah, nilai warisan dan budaya landskap tempatan telah disampaikan melalui siri kuliah yang ditetapkan oleh pihak pengajur. Satu tugas secara berkumpulan untuk menggalakkan interaksi antara peserta telah dilaksanakan di kawasan kajian terpilih. Di peringkat akhir program peserta telah membentangkan hasil kajian mereka dan dinilai oleh pensyarah dari universiti yang terlibat. Penganjuran program *UTM Summer School* dengan format bengkel ini secara umum selari dengan aspirasi Pelan Global UTM (2012-2020) iaitu "*menjadikan UTM sebagai sebuah universiti ternama dan dikenali di peringkat antarabangsa*". Secara umum, ketiga-tiga fakulti juga telah bersetuju untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang pengajian dan penyelidikan khususnya bidang berkaitan selain akan menawarkan platform sedia ada ini kepada institusi pengajian lain yang terdapat di rantau ini.

Berikut adalah laporan aktiviti mengikut hari:

**Ketibaan Peserta ke KLIA2 & Sesi Pendaftaran  
Jumaat, 31/03/2017**

Delegasi MSU & NUOL telah dijemput dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dengan perkhidmatan bas UTM. Peserta UTM telah mengiringi perjalanan peserta antarabangsa ke pusat bandaraya Kuala Lumpur dan mendaftar masuk ke Hotel 1915. Selepas sesi pendaftaran, peserta di bawa melawat ke Chinatown di Jalan Petaling melihat aktiviti Kuala Lumpur pada waktu malam.

**Hari-1 : Kuala Lumpur  
Sabtu, 01/04/2017**

Aktiviti menyelurusi Jejak Warisan KL bermula pada waktu pagi dengan berkumpul di perkarangan Dataran DBKL. Aktiviti pada hari tersebut turut disertai oleh pelajar-pelajar program UTM SPACE (subjek SBEP 4731, Pemeliharaan dan Regenerasi Bandar) di bawah seliaan Dr. Noor Aimran Samsudin. Sejarah perkembangan bandar dan ekonomi awal Kuala Lumpur telah dikongsikan untuk memberi gambaran awal berkaitan sumbangan pihak kolonial British di awal tempoh pemerintahan mereka. Aktiviti diteruskan dengan menyelusuri laluan Jejak Warisan KL di Masjid Jamek, Dataran Merdeka, Medan Pasar, Pasar Seni dan sekitar Jalan Sultan. Peserta dibawa melawat KL City Gallery untuk mendapatkan perincian sejarah Kuala Lumpur dalam bentuk pameran model bangunan berskala. Sesi petang, peserta di bawa bersiar sekitar pusat bandaraya dengan menaiki perkhidmatan bas pengatara percuma Go KL City dari Pasar Seni ke Bukit Bintang. Seterusnya mereka berjalan kaki melalui laluan pejalan kaki bertingkat DBKL ke KLCC.



Rajah 2: Jejak Warisan KL bermula dari Dataran Merdeka sehingga ke KLCC dengan berjalan kaki dan menaiki pengangkutan awam.

### **Hari Ke-2 : Dari Kuala Lumpur ke Ipoh Ahad, 02/04/2017**

Selepas mendaftar keluar hotel, peserta dibawa ke Muzium Negara untuk mendapatkan perincian mengenai pembangunan identiti nasional dan bangsa Malaysia secara umum. Selesai lawatan tersebut, peserta dibawa melawat di perkarangan Masjid Negara melihat keindahan seni bina masjid tersebut sebelum bertolak ke Ipoh. Peserta telah mendaftar masuk di Hotel Pi, Ipoh dan memulakan aktiviti menyeluruh Jejak Warisan Ipoh sebelum menikmati makan malam mereka di sekitar medan selera Gerbang Malam, Ipoh. Sejarah mengenai perkembangan bandaraya Ipoh dan aktiviti perlombongan bijih timah disampaikan di perkarangan bangunan Stesyen Keretapi Ipoh.



Rajah 3: Sekitar Jejak Warisan Ipoh yang meliputi kawasan Old Town dan New Town Ipoh. Jejak warisan bermula dengan penyampaian kuliah di dataran hadapan Stesyen Keretapi Ipoh.

## Hari Ke-3 : Lawatan ke Taiping dan Kuala Kangsar

Isnin, 03/04/2017

Peserta di bawa ke Taiping dari Ipoh awal pagi untuk menikmati suasana pemandangan Taman Tasik Taiping. Jejak Warisan Taiping bermula dengan melalui laluan siar kaki di tepi tasik sebelum memasuki kawasan bandar Taiping. Barisan pokok hujan-hujan berusia ratusan tahun antara menjadi tumpuan peserta merakamkan gambar kenangan. Aktiviti tersebut berakhir di Dataran Warisan Taiping yang terletak di hadapan bangunan warisan Pejabat Daerah dan Tanah Larut dan Selama. Sebagai perbandingan antara konsep bandar-bandar kolonial, Bandar DiRaja Perak iaitu Kuala Kangsar telah dipilih sebagai laluan program kali ini. Bandar tradisional Melayu ini menampilkan keunikan dan keaslian warisan tersendiri. Antara tempat yang dilawati ialah Masjid Diraja Ubudiah, Istana Kenangan dan sekitar Bukit Chandan.



Rajah 4: Para peserta turut berpeluang melawati Taiping dan Bandar DiRaja Kuala Kangsar

## **Hari Ke-4 : Bertolak ke Bandaraya Melaka dari Ipoh**

**Selasa, 04/04/2017**

Sebuah sesi taklimat berkenaan usaha-usaha pemeliharaan bandar dan bangunan warisan di sekitar Ipoh telah diaturkan dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Turut hadir meraikan delegasi ini ke MBI adalah Pengarah Perancang Bandaraya MBI, Encik Zulqarnain Mohamad yang telah berkongsikan maklumat berkenaan sejarah Ipoh. Manakala Pegawai Perancang Bandar (Bandar Warisan), Encik Mohd. Tajuddin Mohd. Tahir turut berkongsikan pengalaman MBI merancang laluan Jejak Warisan Ipoh di sekitar Old Town Ipoh. Sesi taklimat berakhir dengan jamuan ringkas dan sesi bergambar bersama Pengarah sebelum bertolak ke Bandaraya Melaka. Di Melaka, peserta mendaftar masuk ke Hotel Hallmark Leisure yang terletak di pusat zon pemeliharaan utama. Jejak Warisan Melaka bermula di sekitar St. Paul Hill-A.Famosa-Dataran Belanda/ Stadhuis. Selepas itu, peserta diraikan dalam jamuan makan malam istimewa di Restoran Api-api Steamboat.



Rajah 5: Sekitar sesi taklimat oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Taklimat berkenaan turut dihadiri oleh Pengarah Perancang Bandaraya MBI iaitu Encik Zulqarnain Mohamad.

## **Hari Ke-5 : Bandaraya Melaka (Samb.)**

**Rabu, 05/04/2017**

Jejak Warisan Melaka diteruskan di sekitar Jalan Hang Jebat dan Jalan Tun Tan Cheng Lock (*Heeren Street*) melihat kepelbagaiannya jenis rumah kedai tradisional dan *townhouse*. Beberapa buah muzium turut dilawati di sekitar Melaka oleh peserta seperti Muzium Negeri dan Muzium Senibina. Pada sebelah malam, jejak warisan diteruskan dengan menyeluruh sepanjang Sungai Melaka dengan menaiki *Melaka River Cruise*. Peserta turut mula mengadakan perbincangan untuk tugasan berkumpulan yang telah ditetapkan.



Rajah 6: Jejak Warisan Melaka di Tapak Warisan Dunia UNESCO Bandaraya Melaka.



Rajah 7: Gambar kenangan di Muzium Negeri Melaka yang merupakan replika istana Kesultanan Melayu Melaka.

**Hari Ke-6 : Bandaraya Melaka (Samb.)  
Khamis, 06/04/2017**

Rumah no. 8 di Heeren Street juga turut dilawati untuk melihat secara terperinci seni bina rumah-rumah kedai di kawasan tersebut. Penerangan telah disampaikan oleh En. Colin Goh, ahli NGO dari Badan Warisan Malaysia. Peserta sepanjang hari menyiapkan tugas berkumpulan mereka dan dibantu oleh pelajar-pelajar UTM. Pengumpulan data dilakukan pada sebelah pagi dan petang manakala perbincangan diadakan pada waktu malam. Mereka turut berkesempatan melawat ke pasar malam di Jalan Hang Jebat atau lebih dikenali Jonker Street.



Rajah 8: Para peserta melibatkan pelajar dari ketiga-tiga universiti sedang berbincang dan menyiapkan tugas berkumpulan sambil dibantu oleh barisan pensyarah.

**Hari Ke-7 : Bertolak pulang ke UTM JB  
Jumaat, 07/04/2017**

Hari terakhir di Melaka, peserta telah melawat ke Villa Sentosa di Kampung Morten selepas pembentangan akhir di hotel. Peserta dibahagikan kepada 5 kumpulan dan membentangkan penemuan serta cadangan yang telah dikenalpasti di ketiga-tiga ‘bandar-bandar kolonial’ iaitu KL, Ipoh dan Melaka. Penilaian telah dibuat oleh barisan pensyarah yang turut serta secara terperinci. Isu-isu seperti kepentingan memelihara keaslian identiti bandar-bandar warisan antara yang dibincangkan pada sesi tersebut. Peserta juga dilihat mampu mengemukakan idea bagaimana suatu rekabentuk bandar (*urban form*) dan senibina tertentu yang bercirikan identiti tempatan dapat dipromosikan sekaligus memenuhi tema dan objektif tugas tersebut diadakan. Selesai pembentangan, peserta pulang ke UTM. Sebuah majlis ringkas penutup dan penyerahan sijil kepada semua peserta telah diadakan di Restoran Makjah, Rumah Alumni UTM. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Prof. Mayda Dr. Mohammad Rafee Majid (Timbalan Dekan Akademik FAB) dan Prof. Dr. Syed Zainol Abidin Idid (bekas pensyarah JPBW yang juga pengasas bengkel The JWUDC).

## ATURCARA PROGRAM

### **Ketibaan Peserta ke KL dan Daftar Masuk**

---

Jumaat, 31/03/2017

Bertolak ke KL/ Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Pendaftaran & mendaftar masuk ke Hotel 1915, KL

Taklimat program

Aktiviti suai kenal (*Ice-breaking*)

#### **Kuliah@KL 1: Budaya & Adat Resam di Malaysia**

Makan malam & Rehat

### **Hari Pertama: Kuala Lumpur**

---

Sabtu, 1/04/2017

07:00 Sarapan pagi

#### **Jejak Warisan KL 1: Lama & Baru**

Masjid Jamek-Dataran Merdeka-KL City Galery-Pasar Seni

#### **09.00 Kuliah@KL 2: Sejarah & Rupa Bandar KL semasa Zaman Kolonial**

#### **Kuliah@KL 3: Usaha Pemeliharaan Bandar di KL**

13:00 Rehat & Makan tengahari

#### **14:00 Jejak Warisan KL 2: Pusat Bandar-Daerah Perniagaan Moden & Baru**

Bukit Bintang-KLCC

19:00 Makan malam

#### **Jejak Warisan KL 3: Pusat Perniagaan Lama KL**

Jalan Tunku Abdul Rahman (pasar malam KL)

23:00 Rehat

### **Hari ke-2: Kuala Lumpur (Samb.) - Ipoh, Perak**

---

Ahad, 02/04/2016

07:00 Sarapan

#### **08:00 Jejak Warisan KL 3: Asas Pembentukan Negara**

Muzium Negara-Masjid Negara

12:00 Daftar keluar & berlepas ke Ipoh, Perak

Makan tengahari

15:00 Tiba di Ipoh & daftar masuk ke Hotel Pi, Ipoh.

#### **Kuliah@Ipoh 1: Peranan British dalam Pembangunan Bandar Ipoh**

#### **Jejak Warisan IPH 1: Kereta api, Bijih Timah & Perkembangan Bandar Ipoh**

19:00 Makan malam & melawat ke Kinta Riverfront

22:00 Rehat

**Hari ke-3: Ipoh, Perak (Samb.)**

---

Isnin, 03/04/2016

07:00	Sarapan
08:00	Bertolak ke Taiping ( <i>Heritage City of Perak</i> )
09:30	<b>Jejak Warisan IPH 2: Rumah kedai tradisional &amp; aktiviti jalanan di Taiping</b>
12:00	Makan tengahari
13:00	Bertolak ke Kuala Kangsar ( <i>Royal City of Perak</i> )
14:00	<b>Jejak Warisan IPH 3: Bandar Diraja Kuala Kangsar</b>
19:00	Makan malam & melawat ke Gerbang Malam (Pasar malam Ipoh)
22:00	Rehat

**Hari ke-4: Ipoh, Perak (Samb.) – Melaka**

---

Selasa, 04/04/2016

08:00	Daftar keluar & Sarapan
09:00	Taklimat MBI
12:00	Makan tengahari & berlepas ke Tapak Warisan Dunia UNESCO Bandaraya Melaka
17:00	Daftar masuk ke *Hotel Balik Pulau, Melaka
	<b>Jejak Warisan MLK 1: Kota Melaka</b>
	<b>Kuliah@Melaka 1: Pengenalan Sejarah Bandaraya Melaka</b>
19:00	Makan malam-Jamuan
21:00	Taklimat tugas berkumpulan di <i>Dutch Square</i> (Bangunan Stadhuis)
22:00	Rehat

**Hari ke-5: Melaka (Samb.)**

---

Rabu, 05/04/2016

07:00	Sarapan
08:00	<b>Jejak Warisan MLK 2: Rumah Kedai Tradisional Melaka</b> Melawat ke No.8 Heeren Street/Muzium Senibina/ Muzium Sejarah & Etnografi /Muzium Negeri
	<b>Kuliah@Melaka 2: Aktiviti Jalanan Tradisional Bandar</b>
12:00	Makan tengahari
14:00	Pengumpulan data/ Pemerhatian di tapak/ Soal selidik
19:00	Makan malam
21:00	<b>Jejak Warisan MLK 3: Menyelusuri Sungai Melaka &amp; down town di Melaka</b>
22:00	Perbincangan kumpulan
	Rehat

**Hari ke-6: Melaka (Samb.)**

---

Khamis, 06/04/2016

- |       |  |
|-------|--|
| 07:00 | Sarapan  |
| 08:00 | Pengumpulan data/ Pemerhatian di tapak/ Soal selidik         |
| 12:00 | Makan tengahari  |
| 14:00 | Pengumpulan data/ Pemerhatian di tapak/ Soal selidik (Samb.) |
| 19:00 | Makan malam  |
| 20:00 | Pengumpulan data/ Pemerhatian di tapak/ Soal selidik (Samb.) |
| 22:00 | Perbincangan kumpulan  |
|       | Rehat  |

**Hari ke-7: Melaka (Samb.) – UTM JB**

---

Jumaat, 07/04/2016

- |       |  |
|-------|--|
| 07:00 | Daftar keluar & Sarapan                                      |
| 08:00 | Melawat ke Kg. Tradisional Melayu (Kg. Morten)-Villa Sentosa |
| 09:00 | Pembentangan akhir di Villa Sentosa                          |
| 13:00 | Berlepas ke UTM JB   |
| 17:00 | Daftar masuk ke Scholar's Inn UTM                            |
| 20:00 | Majlis penutup & Jamuan di Restoran Makjah                   |

**Hari ke-8: Tamat**

---

Sabtu, 08/04/2016

- |                                      |
|--------------------------------------|
| Daftar keluar dari Scholar's Inn UTM |
| Program tamat                        |

## **SENARAI KURSUS/KULIAH/JEJAK WARISAN**

### **Senarai Kuliah**

1. Kuliah@KL 1: Budaya & Adat Resam di Malaysia
2. Kuliah@KL 2: Sejarah & Rupa Bandar KL semasa Zaman Kolonial
3. Kuliah@KL 3: Usaha Pemeliharaan Bandar di KL
4. Kuliah@Ipoh 1: Peranan British dalam Pembangunan Bandar Ipoh
5. Kuliah@Melaka 1: Pengenalan Sejarah Bandaraya Melaka
6. Kuliah@Melaka 2: Aktiviti Jalan Tradisional di Bandaraya Melaka
7. Kuliah@Melaka 3: Usaha Pemeliharaan Bandar di Bandaraya Melaka

### **Senarai Jejak Warisan**

1. Jejak Warisan KL 1: KL Lama & Baru
2. Jejak Warisan KL 2: Pusat Bandar-Daerah Perniagaan Moden & Baru
3. Jejak Warisan KL 3: Pusat Perniagaan Lama KL
4. Jejak Warisan KL 4: Asas Pembentukan Negara
5. Jejak Warisan IPH 1: Kereta api, Bijih Timah & Perkembangan Bandar Ipoh
6. Jejak Warisan TPG 1: Rumah Kedai Tradisional & aktiviti jalanan di Taiping
7. Jejak Warisan KK 1: Bandar Diraja Kuala Kangsar
8. Jejak Warisan MLK 1: Kota Melaka
9. Jejak Warisan MLK 2: Rumah Kedai Tradisional Melaka & aktiviti jalanan di Melaka
10. Jejak Warisan MLK 3: Menyelusuri Sungai Melaka & down town di Melaka

## **SENARAI PENGHARGAAN**

### **Agensi-agensi/ Individu**

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
2. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)-Jabatan Perancangan Bandar
3. PLANMalaysia@Perak
4. UTM International
5. Fakulti Alam Bina UTM
6. Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah UTM
7. Pejabat TNCAA UTM
8. Individu/ Orang perseorangan:
  - a) Pengarah Perancang Bandaraya, MBI- En. Zulqarnain Mohamad
  - b) Pegawai Perancang Bandaraya, MBI-En. Mohd. Tajuddin Mohd. Tahir.